



**UNTUK SIARAN
SEGERA**

SIARAN MEDIA

GLOMAC MENAWARKAN DIVIDEN 2.25 SEN KEPADA PEMEGANG SAHAM BAGI TK2025

ANGGARAN RM324 JUTA PADA PELANCARAN PROJEK BAGI TK2026

Kuala Lumpur, 23 October 2025 – Glomac Berhad (“Glomac” atau “Kumpulan”), antara pemaju hartanah yang berwibawa dan telah memenangi pelbagai anugerah di Malaysia, mengumumkan satu lagi tahun prestasi yang baik dan ganjaran buat pemegang sahamnya pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-41 hari ini. Pada mesyuarat tersebut, pemegang saham Glomac Berhad telah meluluskan dividen peringkat tunggal sebanyak 1.25 sen sesaham biasa untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30 April 2025 (“TK25”). Digabungkan dengan dividen interim sebanyak 1.0 sen yang dibayar pada 30 Disember 2024, dengan jumlah pembayaran sebanyak 2.25 sen sesaham, diterjemahkan kepada hasil 6.6% yang sihat berdasarkan harga penutupan RM0.34 sesaham pada 30 April 2025.

Prestasi TK2025 Berdaya Tahan di Tengah-tengah Cabaran Pasaran

Bagi TK2025, Glomac mencatatkan hasil sebanyak RM238.3 juta dan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM35.0 juta, peningkatan daripada RM32.9 juta pada TK2024. Prestasi yang stabil ini disokong oleh kemajuan berterusan di pembangunan perbandaran utama Kumpulan seperti di Saujana Perdana dan Lakeside Residences, di samping sumbangan kukuh daripada projek kediaman bertingkat tinggi 121 Residences dan Plaza@Kelana Jaya. Kumpulan juga berjaya mencapai beberapa penyiapan projek utama, termasuk 121 Residences yang memenangi anugerah (GDV: RM334 juta), mengesahkan komitmen Glomac terhadap penyerahan tepat pada masanya dan pembinaan yang berkualiti.

Kedudukan Kewangan dan Daya Pertumbuhan yang Kukuh

Glomac terus kekal sebagai salah satu pemaju yang mempunyai kedudukan kewangan paling konservatif, dengan sifar pengedaran bersih, ekuiti pemegang saham

RM 1.2 bilion, dan nilai aset bersih sesaham RM1.57. Sehingga akhir April 2025, Kumpulan memegang RM 240.5 juta dalam bentuk tunai, deposit dan penempatan jangka pendek, menyediakan kecairan yang mencukupi untuk pengembangan. Disokong oleh Program Sukuk Wakalah bernilai RM3.0 bilion, Glomac menguasai platform kewangan yang teguh untuk mempercepatkan penyerahan projek, meneruskan pemerolehan simpanan tanah yang strategik dan mengekalkan pertumbuhan jangka panjang.

Pelancaran Baharu Sebanyak RM324 Juta Dijadualkan Untuk TK2026

Melangkah ke hadapan, Glomac merancang untuk melancarkan projek baharu bernilai kira-kira RM324 juta bagi TK2026, terutamanya pembangunan kediaman teres dalam bandar-bandar yang sedia ada. Pelancaran ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan strategik bagi menyesuaikan dengan keadaan pasaran semasa dan mengoptimumkan kadar penggunaan.

Projek-projek utama seperti berikut:

- Serai@SBCR, Sungai Buloh – fasa baharu rumah teres dua tingkat
- KEYS, Lakeside Residences – rumah berkembar dalam komuniti tepi tasik yang matang

Kumpulan sedang merangka semula strategi jualan dan pemasaran selaras dengan sentimen pembeli yang berkembang dan mengikut keadaan pasaran semasa. Fokus kekal dalam memberikan produk yang memenuhi permintaan pasaran semasa iaitu rumah yang praktikal dan harga yang berpatutan di lokasi yang strategik. Disokong oleh kedudukan kewangan yang kukuh dan simpanan tanah (*landbank*) dengan anggaran GDV RM6 bilion, Glomac berada pada kedudukan yang baik untuk mengekalkan momentum jualan dan memacu pertumbuhan yang mampan.

Terbukti Sebagai Pemaju Hartanah yang Telah memenangi Pelbagai Anugerah

Prestasi Glomac terus diiktiraf di seluruh rantau, setelah menerima pelbagai pengiktirafan baru-baru ini, termasuk:

- ***The Edge Property Excellence Awards (TEPEA) 2024***
Top 20 Property Developers and Top 30 for Best in Quantitative Attributes
- ***ASEAN Property Developer Awards 2023/2024***
Best Developer Award
- ***Malaysia Developer Awards (MDA) 2024***
Top 10 Companies (Below RM1 Billion)

- **StarProperty Awards 2025**

The All-Stars Award – Top 10 Listed Companies, with project wins for

- i. *The Family-Friendly Award – Best Family-Centric Development (Landed) for Serai@SBCR*
- ii. *The Neighbourhood Award 2025 – Best Comprehensive Township (Below 500 Acres) for KEYS, Lakeside Residences.*

GLOMAC BERHAD
23 October 2025

Bagi pertanyaan lanjut:

Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan

gccm@glomac.com.my

Mengenai Glomac Berhad

Sejak 1995, Glomac adalah sinonim dengan projek hartanah yang bernilai tinggi dengan rekabentuk tersendiri. Sebagai pemaju hartanah yang telah memenangi pelbagai anugerah projek pembangunan di KL, Selangor dan Johor, kami menawarkan produk perumahan bertingkat (*highrise*), atas tanah (*landed*) serta unit komersil sebagai pilihan terbaik bagi tujuan kediaman dan pelaburan. Glomac Berhad berhasrat untuk terus menawarkan rumah mampu milik untuk bakal pembeli kami dan keluarga mereka dengan mengutamakan ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan kemudahan.